

**SPORTS CENTRE UNIVERSITY OF MALAYA
SPORTS FACILITIES & MAINTAINANCE SECTION**

PROCEDURES FOR BOOKING OF FACILITIES (STUDENTS & STAFF)

1. To book facilities on a casual basis, please come in person to our Facilities Booking Counter during its opening time.
2. Booking of facilities for organized groups (faculty, department, registered societies or club) should be made by submitting an application letter at least fourteen (14) days in advance to Deputy Director (Services) Sports Centre, University of Malaya.
3. User **MUST** bring his/her **OWN** student matrix cards or staff card for identified purpose.
 - a) Booking cannot be done if user failed to show his/her own ID card.
 - b) Using someone else's card is not allowed.
 - c) Card that is already expired is no longer valid.
 - d) Staff at the counter will not process the booking if users failed to show his/her own valid card.
4. Rules of booking are as below:
 - a) Only one (1) venue / court in a day.
 - b) Only one (1) session for one venue / court in a day.
 - c) Only two (2) bookings in a week (one (1) session for each booking two (2) on different days)
 - d) Booking can be made within 7 days only. Booking that exceeds 7 days will not be allowed. E.g.: User who makes booking on Tuesday will only be allowed to make booking until the next Tuesday.
5. A booking slip will be issued upon availability of the slot requested. If requested, users must be able to produce the slip. Anyone who fails to produce the slip will be allowed to continue using the facilities.
6. When using the facilities, users are requested to maintain the cleanliness of the venue/court.
7. Only staff & students of University of Malaya are eligible to use the facilities. Other person may only use the facilities subject to written approval from the Sports Centre upon submitting an application. Any staff or student who been found using the facilities together with an outsider without approval, will be barred from making any booking for a period of time.
8. Users **MUST** comply to all rules & regulations of each facility.
9. The Sports Centre reserves the right to cancel or amend any booking at anytime by giving notice either in writing or via phone call.

PUSAT SUKAN UNIVERSITI MALAYA
SEKSYEN KEMUDAHAN & PENYELENGGARAAN SUKAN
PROSEDUR TEMPAHAN KEMUDAHAN SUKAN BAGI PELAJAR & STAF

UNIVERSITI MALAYA DI KAUNTER TEMPAHAN

1. Pengguna dikehendaki berurusan secara terus dengan staf yang bertugas di Kaunter Tempahan Kemudahan Sukan pada masa-masa tempahan yang telah ditetapkan.
2. Tempahan yang dilakukan atas nama Fakulti / Jabatan / Pusat / Persatuan / Kelab atau yang berkaitan perlu dibuat menggunakan surat rasmi sekurang-kurangnya 14 hari bekerja sebelum tarikh penggunaan.
3. Pengguna diwajibkan membawa Kad Matrik (Pelajar) atau Kad Pekerja (Staf) kepunyaan sendiri sahaja.
 - a) Proses tempahan tidak akan dijalankan sekiranya pengguna gagal menunjukkan kad masing-masing.
 - b) Menggunakan Kad Matrik atau Kad Pekerja kepunyaan orang lain adalah tidak dibenarkan.
 - b) Kad yang telah tamat tempoh tidak boleh digunakan dalam urusan tempahan kemudahan sukan.
 - d) Staf di kaunter tempahan tidak akan memproses mana-mana tempahan yang menggunakan kad orang lain atau kad yang telah tamat tempoh.
4. Syarat-syarat tempahan adalah seperti berikut :-
 - a) Satu venue / gelanggang sahaja dalam masa 1 hari.
 - b) Satu sesi sahaja bagi satu venue / gelanggang dalam masa satu hari.
 - c) Dua kali tempahan sahaja dalam masa 1 minggu (satu sesi bagi satu tempahan pada hari yang berbeza).
 - d) Proses tempahan hanya boleh dilakukan dalam tempoh 7 hari sahaja. Tempahan melebihi 7 hari tidak akan dibenarkan. Contoh – Pengguna yang datang membuat tempahan pada hari Selasa hanya dibenarkan melakukan tempahan sehingga hari Selasa minggu berikutnya.
5. Sekiranya ada kekosongan, Slip Tempahan akan dikeluarkan oleh staf kaunter tempahan jika perkara 3 dan 4 di patuhi. Pengguna diminta membawa Slip Tempahan tersebut semasa menggunakan kemudahan sukan untuk tujuan semakan dan pemantauan atau bagi mengelakkan pertindihan tempahan. Pengguna yang gagal menunjukkan Slip Tempahan ketika diminta oleh petugas Pusat Sukan tidak akan dibenarkan menggunakan kemudahan tersebut.
6. Pengguna adalah bertanggungjawab terhadap kebersihan venue / gelanggang yang digunakan. Pengguna yang gagal memastikan kebersihan terhadap kemudahan yang digunakan boleh dihalang dari menggunakan kemudahan tersebut pada masa-masa akan datang.
7. Hanya Staf dan Pelajar Universiti Malaya sahaja dibenarkan menggunakan kemudahan yang ditempah. Orang luar tidak dibenarkan menggunakan kemudahan yang ditempah oleh pelajar atau staf Universiti Malaya kecuali mendapat kelulusan secara bertulis dari Pusat Sukan setelah mengemukakan permohonan.

Mana-mana staf atau pelajar yang didapati membenarkan orang luar menggunakan kemudahan sukan yang ditempah bersama-sama mereka tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Pusat Sukan, petugas Pusat Sukan berhak memberhentikan semua aktiviti yang sedang dijalankan di venue tersebut secara serta merta dan Staf atau Pelajar tersebut tidak akan dibenarkan menggunakan mana-mana kemudahan sukan untuk satu tempoh yang akan ditetapkan.

8. Pengguna juga diwajibkan mematuhi semua peraturan yang terdapat di venue / gelanggang yang digunakan.
9. Pusat Sukan berhak membatalkan mana-mana tempahan / mengubah masa / gelanggang / venue yang dibuat oleh pengguna pada bila-bila masa dengan memberikan notis sama ada secara bertulis atau telefon.